

## SYAIR KARUN DAN NABI ALLAH MUSA: SATU ANALISIS PENGKAEDAHAN KEAGAMAAN

MUHAMMAD AMIRUN MOHD RADZI  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Syafawatiradzi123@gmail.com

ZUBIR IDRIS\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
zidris@ukm.edu.my

\* Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* mengisahkan tentang riwayat hidup baginda Nabi Musa a.s selain kisah-kisah pengajaran yang berunsur keagamaan. Sehubungan itu, artikel ini mengajukan perbincangan tentang syair berunsur Islam ini, yang menjadi wadah pengarang dalam menyampaikan dakwah kepada khalayak pembaca. Dengan menggunakan syair ini sebagai data perbincangan, Pengkaedahan Keagamaan digunakan terhadap naskhah kajian dengan tujuan melihat aspek keagamaan yang terdapat di dalamnya. Bagi menganalisis perbincangan, tiga pecahan yang terdapat dalam Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni turut diaplikasikan. Menerusi pendekatan dakwah, hasil kajian mendapati terdapat aspek keagamaan dalam naskhah ini seperti mengagungkan sifat-sifat Allah, memperlihatkan kebesaran dan kekuasaan Allah dan menyeru manusia kepada amar makruf dan nahi mungkar. Melalui pendekatan kemasyarakatan pula, aspek keagamaan diperlihatkan menerusi gambaran masyarakat yang beriman kepada Allah dan selain terdapatnya ikatan persaudaraan yang erat. Aspek keagamaan melalui pendekatan seni pula dikesan berdasarkan estetika pencarian ilmu Allah dan estetika dialog antara Nabi Musa dengan Malaikat Maut. Aspek-aspek keagamaan yang terkandung di dalam *Syair Karun Dan Nabi Allah Musa* ini secara tidak langsung menyerlahkan hasrat pengarang menyebarkan dakwah dan fahaman tentang Islam kepada khalayak pembaca, sekali gus menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam. Diharap kajian ini dapat mengetengahkan manuskrip-manuskrip yang berkaitan dengan keagamaan yang terdapat dalam kesusastraan Melayu tradisional.

**Kata Kunci:** aspek keagamaan; manuskrip; pendekatan dakwah; pendekatan kemasyarakatan; pendekatan seni; pengkaedahan keagamaan

## SYAIR KARUN AND THE PROPHET OF GOD MOSES: AN ANALYSIS OF RELIGIOUS METHODS

### ABSTRACT

The manuscript of Syair Karun and Nabi Allah Musa tells about the life history of His Majesty Nabi Musa a.s. in addition to teaching stories with religious elements. Accordingly, this article presents a discussion about this poem with Islamic elements, which becomes the author's vehicle in delivering da'wah to the reading public. By using this poem as discussion data, the

Religious Methodology is applied to the study manuscript with the aim of looking at the religious aspects found in it. In order to analyze the discussion, the three divisions found in Religious Methodology, namely the preaching approach, the community approach and the art approach were also applied. Through the da'wah approach, the results of the study found that there are religious aspects in this manuscript such as glorifying the attributes of God, showing the greatness and power of God and calling people to command makruf and nahi mungkar. Through the social approach, the religious aspect is shown through the depiction of a community that believes in God and in addition to the presence of close bonds of brotherhood. The religious aspect through an artistic approach is detected based on the aesthetics of the search for God's knowledge and the aesthetics of the dialogue between Prophet Moses and the Angel of Death. The religious aspects contained in the Poems of Karun and the Prophet of Allah Musa indirectly highlight the author's desire to spread preaching and understanding of Islam to the readership, thus illustrating the majesty of God and the greatness of Islam. It is hoped that this study can highlight the manuscripts related to religion found in traditional Malay literature.

**Keywords:** religious aspects; manuscripts; preaching approach; societal approach; artistic approach; religious practices

## PENGENALAN

Dalam manuskrip lama banyak tersimpan bukti-bukti penting dan berharga yang berkaitan dengan warisan masyarakat. Naskhah manuskrip Melayu dihasilkan dalam pelbagai genre yang berbentuk prosa dan puisi seperti historiografi, hikayat, undang-undang dan sebagainya, dengan penghasilannya disesuaikan pula mengikut keperluan masyarakat yang menghasilkannya, seperti hiburan, bahan dokumentasi peristiwa dan juga sebagai salah satu cara penyebaran agama Islam. Kedatangan agama Islam secara tidak langsung membawa kepada perubahan terhadap cara kehidupan serta kepercayaan masyarakat Melayu yang sebelumnya berpegang kepada ajaran animisme (kepercayaan semangat roh) kepada kepercayaan terhadap Allah SWT yang satu iaitu bersifat tunggal. Pengaruh kepercayaan dapat dilihat melalui penghasilan karya-karya kesusasteraan Melayu Islam mahu pun kesusasteraan Melayu yang mempunyai unsur keislaman.

Naskhah manuskrip MS561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* yang tersimpan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan manuskrip yang ditulis dalam tulisan jawi lama serta mengandungi tema keagamaan yang berunsurkan pendakwahan dan riwayat kehidupan seorang Nabi dan Rasul. Pendakwahan yang disampaikan diterapkan dalam bentuk nasihat-nasihat dan hukuman balasan Allah SWT kepada manusia yang ingkar perintah-Nya melalui penyampaian syair. Manuskrip ini banyak menggambarkan kisah-kisah mengenai riwayat kehidupan baginda Nabi Musa serta kisah-kisah pengajaran sampingan yang boleh menjadikan sebagai satu pendakwahan kepada manusia. Dalam manuskrip yang merupakan naskhah tunggal ini, pengarangnya menfokuskan mengenai riwayat hidup baginda Nabi Musa serta kisah-kisah pengajaran sampingan iaitu ujian dan sekasaan kehidupan terhadap Karun, penceritaan pendeta Firaun Balam' Bau Rabir, cabaran kehidupan yang dihadapi oleh Nabi Khidir dan saudaranya Harun berhijrah ke Mesir, nasihat-nasihat Nabi Musa kepada umatnya dan riwayat terakhir kehidupan Nabi Musa di dunia.

Berdasarkan pengisian cerita dalam *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* yang sarat dengan elemen dakwah ini, maka pendekatan yang menjurus keagamaan adalah pendekatan yang bersesuaian digunakan bagi mengetengahkan elemen yang berkaitan. Justeru, Pendekatan Keagamaan yang diajukan oleh Hashim Awang melalui Teori Pengkaedahan Melayunya

dilihat sebagai pendekatan yang paling sesuai digunakan dalam mengangkat persoalan-persoalan keagamaan menerusi *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* ini.

Menurut Hashim Awang (dalam Nur Syazwani Bederohisam dan Zubir Idris. 2020: 288), “Teori Pengkaedahan Melayu termasuk ke dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau teori beralas atau berlandas yang berbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif, di dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berapa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu”. Kesusasteraan Melayu munculnya selepas kedatangan Islam yang mengfokuskan kepada tiga teras utama yang bersifat kemelayuan dan keislaman. Ianya disebutkan sebagai teras kebijakan, teras ketakwaan, teras ketatasusilaan.

Teras kebijakan dilihat sebagai teras utama dalam kesusasteraan Melayu kerana setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai unsur didaktik yang mengandungi persoalan pokok tentang kepentingan melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, amar makruf nahi mungkar. Teras kebijakan ini menjelaskan tentang tanggungjawab dalam penghasilan sesebuah karya itu dijadikan sebagai sebuah karya yang bermanfaat kepada masyarakat. Teras ketakwaan pula sebagai pelengkap kepada teras utama kerana ianya bukan sahaja membawa konsep amar makruf nahi mungkar sebagai amalan masyarakat membentuk kasih sayang dan keharmonian malah mewujudkan perasaan pengabdian manusia sebagai seorang hamba kepada TuhanYa. Teras ketakwaan ini merupakan pengukuhan dalam agama Islam yang menerapkan tentang unsur takwa dan akidah yang disebarluaskan melalui penulisan karya kesusasteraan masyarakatnya. Karya-karya tersebut menjelaskan gambaran dan penjelasan tentang sifat-sifat kesempurnaan dan ketinggian Allah SWT, selain kemurnian dan keagungan agama Islam itu sendiri. Seterusnya, teras ketiga iaitu teras ketatasusilaan adalah ke arah penyempurnaan sifat masyarakat Melayu yang diisi dengan adab-adab sopan santun dalam kehidupan mereka seharian. Setiap amalan yang dilakukan mempunyai aturan dan tertib sebagai ekspresi keindahan dan estika yang telah dipupuk dalam budaya masyarakat Melayu. Islam turut menuntut umatnya agar berdisiplin dan tertib mengikut aturan-aturan dan hukum yang sedia ada.

## PENGKAEDAHAHAN KEAGAMAAN

Pengkaedahan Keagamaan merupakan cabang daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang selain Pengkaedahan Alamiah. Pengkaedahan Keagamaan terdiri daripada Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Menurut Hashim Awang (2002:12), Pengkaedahan Keagamaan dimaksudkan sebagai pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling utama dijadikan ialah al-Quran dan Hadis. Sumber pembentukannya pula bersandarkan tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan manusia terhadap-Nya. Pendekatan Dakwah sebagai satu hasil sastera menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Oleh itu, sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Pendekatan Kemasyarakatan pula bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia dan secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam.

Pendekatan Seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada pada naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Ia menjadikan karya sastera sebagai persoalan pokok. Menurutnya, keindahan dalam

sastera adalah keindahan yang melandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam. Ia hendaklah dilihat bersama dengan logiknya. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa, manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya. Berdasarkan huraihan ini, Pengkaedahan Keagamaan adalah berasaskan kepada kenyataan atau realiti yang wujud dalam masyarakat, terutamanya situasi kehidupan, kebudayaan dan kepercayaan keagamaan. Semua unsur dan pendekatan teori ini ternyata memiliki kekuatan dan keistimewaan tersendiri dapat digunakan atau diterapkan terhadap karya-karya manuskrip Melayu, khususnya dalam kegiatan-kegiatan pengajian dan kritikan kesusasteraan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kepada kaedah kepustakaan. Selain berpandukan rujukan terhadap jurnal, buku dan sebagainya, kajian ini menggunakan Pengkaedahan Keagamaan yang merupakan cabangan daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Pengkaedahan Keagamaan ini melihat pengisian dalam agama Islam sebagai sumber asas kepada gambaran agama yang dianuti masyarakat Melayu (agama Islam) sebagai tunjang pengkaryaan. Bagi menganalisis perbincangan, tiga pecahan yang terdapat dalam Pendekatan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni turut diaplikasikan. Penggunaan Pengkaedahan Keagamaan terhadap kajian ini adalah untuk meneliti unsur-unsur keagamaan yang dapat menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam seperti yang terdapat dalam naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*.

## PENDEKATAN DAKWAH

Pendekatan dakwah dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah SWT. Pendekatan ini berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan agama Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan kepada masyarakat. Hashim Awang (1994a) menegaskan sastera dalam tanggapan sifat-sifat keindahan, kemuliaan dan ketinggian Allah SWT. ‘Dakwah’ adalah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud seruan, panggilan atau ajakan. Dakwah dari sudut pandang agama ialah ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan para rasul-Nya, supaya percaya dan yakin kepada agama yang sebenar, iaitu agama Islam. Dakwah ialah kegiatan menyeru manusia mengikut jalan Allah bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Ia adalah dari kata dasar *Da'a* bererti mengajak, *Du'a* bermaksud seruan, *Dakwah* bermaksud panggilan dan *Da'i* merujuk kepada pendakwah (Abdul Rauf Dato' Haji Hassan Azhari et. Al., 2005: 140). Menurut Yusof al-Qaradawi (dalam Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997: 1-2) pula, “Dakwah adalah usaha menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkar dan berjihad di jalan Allah SWT. Ia juga merupakan usaha untuk membawa kaum lain kepada agama Islam mengikut petunjuk dan landasan Islam dengan melaksanakan ketetapan Allah SWT.” Hashim Awang (dalam Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. 2018:159) mengatakan, “Dakwah ialah panggilan ke jalan Allah dan ke jalan agama Islam, kerana agama Islam sajalah agama diredayai Allah. Dalam al-Quran, Allah dengan tegas menjelaskan melalui dua firman-Nya yang bermaksud ‘Katakanlah, inilah jalan (agama)-Ku. Aku dan orang-orang yang mengikuti-Ku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata’ (12: 108) dan ‘sesungguhnya agama (yang diredayai) di sisi Allah hanyalah Islam’ (3: 19).” Rumusannya, dakwah adalah merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan mengajak atau menyeru orang lain

kepada kebaikan, mengikuti jalan Allah dan mencegah orang lain melakukan kemungkaran dan kesesatan.

Dalam konteks karya kesusasteraan Melayu yang bertemakan keagamaan, kandungannya yang mengandungi unsur pendakwahan digarapkan oleh pengkarya untuk berdakwah kepada manusia atau pembaca akhirnya memberikan teladan dan pengajaran baik dalam kehidupan mereka. Mohamed Anwar Omar Din (2004:14) mengatakan sastera Islam mempunyai ciri-ciri, prinsip, falsafah, pandangan dunia (tasawur) dan matlamat yang khas. Berdasarkan latar belakang sejarah dan prinsip “amar makruf nahi mungkar” itu, maka sastera Islam dapat didefinisikan sebagai ciptaan-ciptaan kreatif yakni sastera dari berbagai-bagai bentuk, gaya dan bahan tanpa mengira kawasan, tempat, rumpun bangsa, etnik dan masa yang responsif secara aktif terhadap Wahyu (iaitu al-Quran dan al-Hadis) dengan tujuan akhirnya yang khusus iaitu menjadikan manusia sebagai hamba Allah yang soleh. Bersesuaian dengan perkara ini, Noraini Mohamad dan Mariam Abdul Majid (2019:225) menjelaskan bahawa mesej dakwah boleh disampaikan melalui pelbagai medium, antaranya ialah penggunaan bahasa penulisan, percakapan, tayangan dan sebagainya lagi bagi memenuhi tujuan tersebut. Sehungan dengan huriahan ini, Pendekatan dakwah sesuai digunakan terhadap naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* kerana pengarang menerapkan unsur-unsur pendakwahan melalui penceritaan yang disampaikan. Dalam hal ini unsur dakwah dapat memperlihatkan kepada tiga aspek iaitu mengagungkan sifat-sifat Allah, memperlihatkan kebesaran dan kekuasaan Allah dan menyeru kepada amar makruf dan nahi mungkar.

### **Memperlihatkan Kebesaran dan Kekuasaan Allah**

Unsur dakwah juga disampaikan pengarang dengan cara memperlihatkan sifat-sifat kebesaran dan kekuasaan Allah yang merupakan salah satu kaedah dan cara yang berupaya meningkatkan ketakwaan umat Islam. Usaha pengarang dalam karyanya ini secara tidak langsung dapat meneguhkan hubungan manusia kepada Penciptanya. Berhubung perkara ini, Kamariah Kamarudin (dalam Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin 2018:55) mengatakan hubungan manusia dengan Allah SWT dimaksudkan dengan meluruskan hati kepada Allah SWT (hidayah). Hubungan dengan Allah SWT berkait dengan konsep ibadah seperti diperincikan dalam Surah *al-Dhariyat* ayat 56, terjemahnya “*Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada Ku*” dan seterusnya dalam Surah *al-Baqarah* ayat 21, Surah *al-An'am* ayat 162 dan Surah *al-Kahfi* ayat 110. Difahami bahawa manusia diciptakan adalah untuk tunduk dan patuh dengan perintah-Nya.

Dalam konteks *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, unsur dakwah dapat dilihat berdasarkan penceritaan yang memaparkan tentang kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Dalam syair ini, pengarang banyak menceritakan tentang kekuasaan Allah SWT. Antaranya ialah kekuasaan Allah menurunkan rezeki dengan cara yang tidak disangka-sangkakan kepada manusia melalui keajaiban. Sebagai kebalikannya, manusia juga akan ditimpah balasan daripada Allah SWT sekiranya melakukan kemungkaran. Salah satu kebesaran dan kekuasaan Allah yang terdapat di dalam naskhah seperti yang diperihalkan pengarang adalah seperti berikut:

Bumi menelan Karun yang lata,  
Bersama dengan jenazah harta,  
Sekalian itu ghaib di mata,  
Bertambah takut sekalian rata. (r.125)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap syair di atas memperihalkan tentang kekuasaan Allah SWT menurunkan balasan atau azab terhadap hamba-Nya yang takbur dengan harta duniawi sehingga melakukan

fitnah kepada orang lain. ‘Takbur’ adalah sifat seseorang yang melihat dirinya mengatasi orang lain dari segi kesempurnaan. Dalam konteks syair ini, Karun merupakan seorang hamba Allah yang dipengaruhi dengan kekayaan sehingga lupa diri untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT. Hal ini mendorongnya melakukan kejahatan dengan membuat fitnah kepada pesuruh Allah iaitu Nabi Musa yang dikatakan telah melakukan perzinaan. Karun membuat fitnah tersebut lantaran berasa marah dan tidak puas hati terhadap Nabi Musa yang sering mengingatkannya agar tidak tamak, tidak lupa diri dan mengeluarkan zakat atas harta kekayaan yang dimilikinya. Akhirnya, azab yang ditunjukkan adalah doa seorang Rasul yang telah dimakbulkan oleh Allah SWT untuk memperlihatkan kekuasaan-Nya melalui bencana yang terjadi dengan serta merta iaitu dengan menelan dan tenggelamnya segala harta dan juga kaum manusia yang bersifat takbur sehingga lenyap di muka bumi.

Selain itu, kebesaran dan kekuasaan Allah SWT ditunjukkan kepada umat Nabi Musa ketika ditimpa musibah dan malapetaka yang dapat dilihat dalam rangkapan syair berikut:

Mendengar firman Tuhan Maulana,  
Tongkat dipalu tiadalah lena,  
Mata air keluar di sana,  
Berlari-lari jantan betina. (r.139)

Nabi Musa mendengar seruan,  
“Doamu kabul sudah ketahuan,  
Sekarang ini diturunkan awan,  
Boleh bernaung sekalian Ikhwan.” (r.148)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, diterangkan kekuasaan Allah SWT mendengar rintihan oleh hamba-Nya yang memerlukan bantuan ketika dalam keadaan susah untuk meneruskan usaha pendakwahan. Hal ini berkaita dengan peristiwa apabila kaum Nabi Musa ketika itu menerima wahyu daripada Allah untuk berhijrah ke Mesir. Dalam penghijrahan tersebut mereka mengalami kesusahan dalam perjalanan apabila terpaksa menghadapi cuaca yang panas terik selain ketiadaan bekalan air. Nabi Musa berdoa kepada Allah SWT untuk memohon kesenangan buat kaumnya. Doa baginda dimakbulkan apabila Allah SWT telah menunjukkan kekuasaan-Nya yang menakjubkan dengan mengeluarkan mata air di padang pasir yang kering kontang malah mengarahkan awan untuk memberi teduhan kepada kaum Nabi Musa yang sedang beristirahat.

Seterusnya, kekuasaan dan kebesaran Allah SWT diperlihatkan melauinya balasan yang diberikan kepada hamba-Nya yang tidak taat kepada perintah-Nya. Hal ini dinyatakan pengarang dalam rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Doanya itu Allah kabulkan,  
Empat puluh tahun Musa ditahanan,  
Di atas Bal'am Allah murkakan,  
Azab di dunia Allah datangkan. (r.247)

Bulu babi bertumbuh badannya,  
Kulit ular diganti kulitnya,  
Kaum Iblis dimasakkannya,  
Nafsu anjing pula ditukarnya. (r.248)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkapan syair tersebut menjelaskan tentang akibat perbuatan manusia yang cuba menghentikan perintah Allah SWT dalam pendakwahan Islam. Berdasarkan rangkapan syair tersebut pengarang menekankan tentang watak Bal'am Ba'ura Bir merupakan seorang pendeta Islam yang sangat mentaati Tuhan, tetapi terpaksa mengikuti kehendak isterinya menuntut segala perkara yang dikehendaki oleh raja. Walaupun doanya dimakbulkan oleh Allah untuk menghentikan perjalanan Nabi Musa selama 40 tahun namun dengan kekuasaan Allah, Bal'am telah dimurka dan menerima azab di dunia iaitu badannya ditumbuh bulu babi, berkulit ular dan nafsunya bertukar seperti nafsu anjing. Dalam hal ini, manusia yang beriman seharusnya memperteguhkan keimanan kepada Allah SWT supaya tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang boleh mengakibatkan kemudaratkan kepada diri seorang muslimin dan muslimat. Pengarang menerapkan kebesaran dan kekuasaan Allah dalam penulisannya untuk menyeru umat manusia khususnya yang beragama Islam agar sentiasa mematuhi perintah Allah dalam sesuatu perkara supaya dapat menghindari diri menjadi seorang yang kufur.

Wahyu merupakan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT yang diturunkan kepada manusia melalui rasul-Nya untuk dijadikan sebagai petunjuk dan panduan dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap syair di bawah:

Kepada mereka Nabi bersabda,  
Firman Allah demikian ada,  
“Makanan yang lain di sini tiada,  
Ke negeri Mesir bolehlah pada.” (r.282)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap syair tersebut menjelaskan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah menyampaikan sesuatu wahyu kepada wali Allah untuk menyebarluaskan dakwah Islamiah. ‘Allah Maha Mengetahui’ atau Al-‘Alim bermaksud Allah mengetahui segala-galanya yang tidak ada sesuatu yang tersembunyi daripada ilmu Allah. Berhubung hal ini, pengetahuan Allah adalah luas lagi mengetahui dari segala perkara yang tidak dapat dirungkaikan oleh akal manusia malah dibatasi oleh sifat-Nya Yang Maha Agung. Wahyu dan firman Allah yang diturunkan melalui rasulnya sesesungguhnya dapat memberikan petunjuk arah atau panduan kewpada hamba-Nya agar sentiasa berada dalam haluan yang benar. Oleh hal yang demikian, kebesaran dan kekuasaan Allah menjadikan umat manusia membetulkan segala perkara dan pedoman hidup dengan lebih baik untuk menjadi seorang mukmin yang berjaya.

Pemberian rezeki adalah anugerah Allah yang tidak ternilai kepada kehidupan manusia yang datangnya daripada kebesaran dan kekuasaan-Nya. Rangkapan syair berikut memperihalkan tentang pemberian rezeki oleh Allah SWT yang telah dijamin kepada hamba-Nya:

Nabi Musa berdiri lena,  
Hatinya a’jaib dengan gulana,  
Ulat batu binatang hina,  
Rezekinya siap antara di sana. (r.480)

Firman Allah Nabi dengari,  
“Apakah kamu menjadi negeri?  
Rezeki ulat kami memberi,  
Tiadakah kamu sedarkan diri? (r.481)

Aku ini Tuhan Yang Kaya,  
Sekalian rezeki Aku kurnia,  
Terlebih lagi sekalian manusia,

Belumkah kamu yakin percaya?” (r.482)  
(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah yang berkuasa memberi rezeki yang telah dijamin kepada hamba-Nya. Rezeki ini datangnya dalam pelbagai bentuk yang dikurniakan Allah kepada makhluk-Nya, bukan hanya kepada manusia sahaja malah binatang, jin mahupun tumbuhan serta setiap sel-sel yang hidup. Rangkap-rangkap syair tersebut menerangkan tentang pemberian rezeki oleh Allah kepada ciptaan-Nya sehingga ulat di dalam batu pun dikurniakan rezeki. Dalam konteks dakwah, ianya mengajar manusia untuk mesyukuri terhadap nikmat dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Berhubung perkara ini, pengarang menegaskan kepada khalayak pembaca supaya mensyukuri rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT dalam kehidupan sehari-hari. Ianya merupakan cerminan agama Islam kepada masyarakat seperti kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam itu sendiri. Secara tidak langsung pengkaryaan pengarang ini memberikan kebaikan kepada manusia mahupun pembaca kerana memperoleh banyak peringatan dan pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui syair ini. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Hashim Awang (1994:67) yang mengatakan sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan, kemurnian dan keindahan Islam yang menjadi daya tarikan khalayaknya.

Berdasarkanuraian dan contoh-contoh yang telah dibincangkan, dapatlah dikatakan bahawa *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* merupakan salah satu syiar penyampaian dakwah dalam memperkatakan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi segala bentuk kebesaran yang ditunjukkan oleh Allah, selain memperlihatkan keindahan Islam yang tercetus dan terpancar melalui karya.

### **Menyeru Kepada Amar Makruf dan Nahi Mungkar**

Manusia sebagai salah satu makhluk ciptaan Tuhan mempunyai peranan penting dalam menjalankan fungsinya sebagai khalifah di muka bumi ini. Allah SWT bukan hanya mengatur tentang kehidupan yang berkaitan dengan ibadah kepada-Nya, malah Allah juga mengatur bagaimana manusia menjalankan peranannya di atas muka bumi ini sebagai khalifah. Khalifah Allah di muka bumi bermaksud menjadi wakil yang dilantik oleh Allah SWT untuk mentadbir dan menguruskan bumi, di samping memakmurkannya supaya menjadi tempat tinggal yang baik untuk didiami oleh seluruh penghuni (Harun Din, 1990: 192).

Dalam konteks naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, terdapat beberapa peristiwa, nasihat dan wasiat yang boleh dijadikan sebagai panduan dan teladan kepada manusia agar tidak mengengkari segala larangan Allah dan mengikuti perkara yang boleh dijadikan kebaikan dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

“Dengarlah sedikit kami berpesan,  
Jangan kamu hilang perasan,  
Jagalah jangan membuat bosan,  
Ingatlah Allah menjadi ihsan.” (r.284)

Janganlah lupa Tuhan Rabbana,  
Membuat ibadah janganlah lena,  
Jikalau kamu dapat bencana,  
Kami tak dapat menolong ke sana.” (r.285)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair tersebut menerangkan tentang nasihat Nabi Musa kepada Bani Israel setelah menerima wahyu daripada Allah SWT. Nasihat yang diberikan adalah untuk mengingatkan manusia supaya menjaga diri dan ibadah kepada Allah dan tidak terlalu leka dengan urusan dunia tanpa mengira di mana sahaja seseorang itu berada. Akibat tidak mendengar nasihat tersebut, Bani Israel telah menerima akibat dan azab bilamana rezeki mereka disempitkan dan mengalami kebuluran setelah mereka meninggalkan ibadah kepada Allah. Dalam konteks amar makruf dan nahi mungkar ini, walaupun ia hanyalah nasihat ringkas untuk berbuat kebaikan namun jika tidak dituruti akan mendatangkan keburukan malah memudaratkan diri dalam kehidupan.

Selain itu, terdapat juga riwayat atau wasiat seorang wali Allah yang baik kepada manusia untuk dijadikan panduan dan pedoman dalam kehidupan dengan berpegang teguh kepada agama Islam sebagai hamba Allah SWT. Hal ini dapat dilihat melalui rangkapan syair seperti berikut:

Jangan ditamak hartanya orang,  
Jangan timbang lebih dan kurang,  
Allah Ta’ala sangat melarang,  
Di dalam neraka tempat bersarang. (r.298)

Jikalau berbantah sama sendiri,  
Jangan berdendam sampai sehari,  
Perbuatan syaitan demikian peri,  
Di dalam neraka ia berdiri. (r.299)

Mengumpat orang dengan perkataan,  
Menyatakan orang punya kecelaan,  
Berkata kerana bermuka-mukaan,  
Iaitu Iblis punya pekerjaan. (r.300)

Jikalau melihat jantan betina,  
Syahwat jangan taruh di sana,  
Takut jatuh kepada zina,  
Ke dalam neraka badan merana. (r.301)

Jikalau banyak harta sendiri,  
Jangan sekali membesar diri,  
Makanya itu hendaklah beri,  
Di dalam empat puluh satu keluari. (r.302)

Jikalau kita miskin fakiri,  
Hendaklah sabar kepada diri,  
Harta orang jangan dicuri,  
Walaupun bangsa kafiri. (r.303)

Jikalau orang sudah percaya,  
Amanah orang hendaklah setia,  
Janganlah kamu buat perdaya,  
Walaupun banyak dinar rupiah. (r.304)

Anak yatim kamu berjumpa,  
Hendaklah segera kamu menyapa,  
Kasihkan ia dengan berapa,  
Menolong ia jangan dihampa. (r.305)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair tersebut menjelaskan tentang wasiat Nabi Musa kepada umatnya dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Wasiat ini mengandungi pelbagai amalan amar makruf nahi mungkar kepada umat manusia sejagat untuk mengambil iktibar dan dijadikan sebagai panduan hidup. Dalam konteks pendakwahan, rangkapan syair tersebut menerangkan beberapa amalan yang patut dicontohi dan diamalkan. Selain itu, terdapat juga amalan yang harus dijauhi dan dijadikan sebagai sempadan dalam kehidupan. Antara perkara yang terdapat dalam wasiat dapat dilihat berdasarkan frasa-frasa seperti ‘Jangan ditamak hartanya orang,’ ‘Jangan berdendam sampai sehari’; menjaga pandangan antara lelaki dan perempuan seperti frasa ‘Jikalau melihat jantan betina, syahwat jangan taruh di sana’; menjauhi sifat sompong, bersabar walaupun hidup miskin, tidak mencuri harta orang lain, hendaklah bersikap amanah dalam pekerjaan seperti dalam frasa ‘Amanah orang hendaklah setia’ dan tidak melakukan rasuah dan menyayangi anak-anak yatim.

Selain itu, terdapat contoh lain wasiat Nabi Musa yang disampaikan kepada umat manusia sebagaimana yang terdapat dalam syair ini. Perkara ini dapat dilihat menerusi rangkapan syair berikut:

Benda yang mabuk kamu tinggalkan,  
Binatang yang haram jangan dimakan,  
Harta yang cicir kamu dapatkan,  
Ada punya segera kembalikan. (r.306)

Membuat ibadah hendaklah sah,  
Dengan ikhlas seberapa boleh,  
Kepada maksiat jangan ditoleh,  
Halal dan haram hendaklah pilih. (r.307)

Membuat ibadah janganlah leka,  
Siang dan malam setiap ketika,  
Di dunia jangan terlalu suka,  
Akhirnya masuk ke dalam neraka. (r.308)

Hendaklah khidmat ibu dan bapa,  
Setiap hari jangan terlupa,  
Walaupun ia miskin dan papa,  
Perkaranya itu jangan dihampa. (r.309)

Ibu dan bapa jikalau hina,  
Menjadi hamba Islam dan Cina,  
Kita nan jangan tilik di sana,  
Hendaklah khidmat dengan sempurna. (r.310)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkapan syair di atas menerangkan tentang makanan yang patut dijauhi oleh manusia yang beragama Islam seperti minuman yang memabukkan dan makanan yang haram dimakan. Perkara ini dinyatakan pengarang menerusi frasa ‘Benda yang mabuk kamu tinggalkan, binatang yang haram jangan dimakan’ supaya tidak memudaratkan kesihatan manusia. Islam bukan sahaja mengajar tentang ibadah dan akidah malah mengajar akhlak sebagai manusia yang bersih untuk menguatkan lagi ketakwaannya kepada Allah SWT. Terdapat hikmah menjauhi makanan dan minuman yang haram. Antaranya adalah untuk menjaga kesihatan badan, ibadah serta doanya dapat dimakbulkan dan sebagainya. Dalam konteks pendakwahan, kandungan syair menegaskan tentang penyeruan kepada khalayak untuk melakukan ibadah dengan ikhlas dan sepenuh hati kepada Allah SWT agar mendapat keredaan-Nya dan dijauhi daripada kemaksiatan di dunia ini.

Ibu bapa adalah waris yang membawa kepada kelahiran anak-anak ke dunia. Justeru, agama Islam meletakkan ibu bapa di tempat yang tinggi dalam hubungan kekeluargaan bahkan digandingkan dengan perintah mentauhidkan Allah SWT. Bertepatan dengan wasiat yang terdapat dalam syair ini, Islam menyeru manusia untuk berkhidmat dan berbuat baik kepada ibu bapa seperti frasa ‘Hendaklah khidmat ibu dan bapa, setiap hari jangan terlupa’ yang merupakan salah satu kewajiban seorang anak untuk mentaati kedua ibu bapanya.

Agama Islam menuntut umatnya agar mengamalkan amar makruf nahi mungkar iaitu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah melakukan kejahanan. Setiap kebaikan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT kepada hamba-Nya yang mengamalkan kebaikan. Hal ini bersesuaian dengan konteks yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1994), bahawa dakwah adalah seruan membuat kebaikan dan mendapatkan keredaan Allah SWT melalui pelbagai cara termasuklah tanggungjawab manusia sebagai khalifah dalam melakukan amar makruf dan nahi mungkar di muka bumi. Seruan amar makruf nahi mungkar yang terdapat di dalam *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* ini adalah salah satu cara pengarang menyampaikan dakwah melalui penerapan tentang keunggulan dan kebenaran Islamiah yang berhasil melalui karya.

## PENDEKATAN KEMASYARAKATAN

Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan Kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Menurutnya lagi, Pendekatan Kemasyarakatan adalah satu hasil seni yang mengutamakan keintelikualan dan keindahan. Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017:101) menyatakan bahawa konsep amar makruf nahi mungkar bukanlah merujuk kepada konteks ibadat yang khusus dan fardhu ain, tetapi meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di muka bumi. Keupayaan karya sastera merupakan cara yang efektif untuk amar makruf nahi mungkar, tidak dapat dinafikan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, Hashim Awang (2002) menganggap sastera sebuah wadah untuk mendedahkan dengan lebih jelas akan kebenaran dan keberanian mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan, rasuah dan segala permasalahan yang dianggap menjadi punca kehancuran masyarakat dan keruntuhan keimanan umat Islam.

Pendekatan ini juga menumpukan kepada soal-soal isi dan tema yang memancarkan permasalahan dalam masyarakat dan kajian yang wajar terarah kepada latar belakang hidup pengarang untuk melihat keselarian dengan persoalan kebijakan masyarakat yang dipaparkan melalui karyanya yang berkemungkinan mempunyai soal-soal syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut keislaman (Hashim Awang, 2002). Secara umumnya, Pendekatan Kemasyarakatan adalah bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam karya-karya kesusasteraan. Misalnya manuskrip Melayu yang berfungsi sebagai perutusan besar untuk mensejahterakan

dan membahagiakan umat manusia, yang secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam. Melalui Pendekatan Kemasyarakatan, diperlihatkan dua aspek unsur kemasyarakatan dalam *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* iaitu masyarakat yang beriman kepada Allah dan ikatan persaudaraan yang erat.

### **Masyarakat Yang Beriman Kepada Allah**

Keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT adalah teras utama mencerminkan arah dan hala tuju yang kukuh dan konsisten kerana ia merupakan sumber cahaya yang menyinari keseluruhan prinsip-prinsip keislaman yang lain. Ia merupakan anugerah khusus yang diberikan oleh Tuhan Yang Maha Esa kepada umat manusia. Keimanan bermaksud kepercayaan dan pegangan hidup yang kukuh, tidak hanya tersemat di hati malah ia disertakan dengan ketaatan dan amalan terhadap apa yang diperintah dan meninggalkan apa yang ditegah oleh Allah SWT. Ketakwaan pula diertikan sebagai hasil daripada pentarbiahan keimanan melalui amal soleh.

Prinsip iman dan takwa boleh menjadi faktor dalam pembangunan masyarakat yang cemerlang sehingga wujudnya peradaban dan ketamadunan dalam sesebuah bangsa maupun masyarakat. Asas tamadun peradaban yang tidak diterapkan dengan kepercayaan dan kebaikan akan mendatangkan kemusnahan dan kebahagiaan tidak berkekalan kepada umat manusia. Penampilan umat Islam yang beriman dan bertakwa adalah bertepatan dengan konsep “ummatan wasatan” (umat yang bersikap sederhana dan moderate). Hal ini yang demikian, umat Islam seharusnya memberikan contoh yang terbaik dan unggul dalam melaksanakan aktiviti kehidupan mereka.

Manusia yang memiliki keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT akan sentiasa berkata benar, hormat kepada orang lain dan memperbaiki hubungan kemasyarakatannya tanpa mengira unsur keturunan ataupun golongan dan agama, dan sentiasa berusaha tidak akan menjerumuskan diri dalam kecelakaan dan kesengsaraan.

Melalui naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, terdapat beberapa kisah atau penceritaan yang menggambarkan masyarakat yang beriman kepada Allah SWT. Terdapat juga gambaran masyarakat yang mula berubah akibat sikap tamak haloba harta sehingga terjerumus dalam kecelakaan dan kesengsaraan. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Asalnya Karun orang berbangsa,  
Anak mak Nabinya Musa,  
Ibadah kuat lagi kuasa,  
Tiada tertinggal suatu masa. (r.9)

Membuat ibadah rupanya sahih,  
Kepada maksiat tiada tertulis,  
Hukum Allah tiada pilih,  
Akibat tamak hati beralih. (r.10)

Membuat emas setiap ketika,  
Besi tembaga dihimpun belaka,  
Ibadahnya itu sudah leka,  
Diri tercebur tiada sangka. (r.28)

Dengan hal demikian peri,  
Masyhur namanya seluruh negeri,

Kaya besar orang gelari,  
Bandingnya itu payah dicari. (r.29)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut dapat dilihat bahawa umat manusia dituntut untuk meninggalkan perkara yang dimurkai Allah. Antara perkara yang dituntut ialah manusia hendaklah mempunyai iktikad atau keyakinan kepada Allah dan tidak terpengaruh dengan kekayaan dan kesenangan dunia semata-mata. Pegangan yang kuat dan diisi dengan ketakwaan dan keimanan seharusnya menjadi benteng kepada perkara yang boleh menyebabkan diri terjerumus kepada kemaksiatan dan godaan syaitan. Melalui rangkap-rangkap syair tersebut, pengarang menceritakan tentang kehidupan seorang hamba Allah iaitu Karun yang begitu mentaati segala perintah suruhan Allah SWT. Namun, disebabkan keinginannya mencuba perkara baharu iaitu membuat emas telah menjadikan Karun seorang yang sombong dan tamak terhadap kekayaan harta di dunia. Segala ibadah dan kebaikan yang dilakukannya telah menjadi sia-sia kerana hilangnya ketakwaan dan keimanan yang selama ini menjadi penyuluhan kehidupannya. Penjelasan ini dapat dilihat melalui rangkapan syair seperti berikut:

Dengan hal demikian terang,  
Hatinya Karun menjadi girang,

Namanya masyhur disebut orang,  
Membesar diri bukan sebarang. (r. 31)

Datanglah takbur serta berani,  
Kepada miskin tiada dikisahi,  
Lupa kepada Tuhan Rabbani,  
Menurut hawa nafsu syaitani.

(r. 32)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkapan syair tersebut menunjukkan bahawa kelemahan iman dan takwa dalam diri boleh menyebabkan seseorang akan mudah terpedaya dengan hasutan nafsu sehingga menyebabkan kemudarat. Di dalam konteks ini, pengarang mengingatkan bahawa khalayak pembaca agar tidak terpedaya dengan dunia yang bersifat sementara. Manusia seharusnya menguatkan ketakwaan mengikut apa yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Selain itu, menjalankan tugas sebagai pendakwahan dalam menyebarkan kebenaran Islam merupakan tanggungjawab masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair berikut:

Raja berfikir lalu berkata,  
“Bal’am Ba’ura Bir wali pendeta,  
Ibadat kuat semata-mata,  
Doanya mustajab tiadalah lata. (r.170)

Salam takzim duli baginda,  
Tolong doakan jangan tiada,  
Sebab takut di dalam dada,  
Kaum Musa datang menggoda.” (r.178)

Bal’am Ba’ura Bir mendengar itu,

Berubah mukanya sudahlah tentu,  
Hatinya takut bukan suatu,  
Pekerjaan Tuhan disuruh sekutu. (r.179)

Bal'am Ba'ura Bir menjawab bahana,  
“Permintaan itu tiada berguna,  
Perjalanan Musa Nabi maulana,  
Disuruh Tuhan ia di sana. (r.180)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkapan syair tersebut memperihalkan betapa agamawan dan ilmuwan merupakan golongan yang dihormati dan disanjungi oleh masyarakat. Di dalam konteks Islam, para cendiakawan menjadi petunjuk dalam menegakkan keadilan, kebaikan dan amalan-amalan soleh agar mencapai kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan akhirat. Kedudukan ilmu dapat meningkatkan martabat darjah sesebuah masyarakat mahupun individu sehingga melahirkan hamba yang taat dan patuh kepada Allah SWT. Ilmu juga dapat melahirkan manusia yang mulia, beriman dan bertakwa demi mendapatkan keredaan Allah.

Melalui *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, pengarang menceritakan tentang kisah Bal'am Ba'ura Bir yang merupakan pendeta ilmuwan yang sangat taat kepada Tuhan. Ketaatannya boleh dilihat semasa peristiwa Raja Firaun mengutuskan tugas kepada Bal'am untuk menghentikan perjalanan Nabi Musa ke negaranya. Namun, Bal'am begitu tegas pendirian dan menyampaikan kebenaran bahawa Nabi Musa merupakan utusan dan suruhan Allah. Hal yang demikian dapat dilihat daripada ketaatannya sangat teguh dan kuat. tidak goyah ‘Hatinya takut bukan suatu, Pekerjaan Tuhan disuruh sekutu’. Meskipun dihadiahkan harta yang lumayan, keimanannya kepada Allah tidak goyah dan ini dibuktikan apabila beliau tidak menerima hadiah yang ditawarkan. Keimanan dan ketakwaan yang dipegang melahirkan rasa takut dalam diri kepada Allah sehingga dapat menghindari daripada melakukan perkara yang dibenci oleh Allah SWT.

Ilmu dalam Islam dapat menjana potensi model insan dalam masyarakat sehingga memberikan impak yang mendalam kepada akidah, syariah dan akhlak serta kemajuan dalam kehidupan sekiranya kaedah ilmu dipraktikkan dengan betul. Ilmu yang benar akan dapat membawa dan mengangkat martabat manusia sebagai insan yang kamil dan meningkatkan amalan yang soleh seterusnya mendapat keredaan Allah SWT. Keimanan bukan sahaja lahir daripada ilmu malah pegangan diri dan ketakwaan supaya diajauhi melakukan perkara yang ditegah oleh Allah SWT. Hal ini bersesuaianlah dengan konteks pandangan yang diajukan oleh Hashim Awang (2002), bahawa pendekatan kemasyarakatan ini adalah bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam karya-karya kesusasteraan. Secara tidak langsung, pengarang menerapkan nilai-nilai keislaman yang tinggi membawa kepada kesedaran rohani dan prinsip tauhid yang dituntut dalam Islam.

### **Ikatan Persaudaraan Yang Erat**

Persaudaraan dari segi bahasa yang diterjemahkan daripada perkataan Arab iaitu *Ukhuwah* yang berasal dari akar kata *Akhun* membawa erti sebagai sahabat, teman, saudara dan sebagainya. Dari segi istilah pula, persaudaraan diertikan sebagai perasaan kasih sayang, tolong menolong, bantu membantu, bertolak ansur, bermesra dan cinta mencintai antara umat Islam tanpa berkecuali. Persaudaraan (*ukhuwwah*) dalam Islam dimaksudkan bukan sebatas hubungan kekerabatan kerana faktor keturunan, tetapi persaudaraan yang diikat dengan tali

aqidah (sesama muslim) dan fungsi kemanusiaan (sesama manusia mahkluk Allah SWT) (Annefrank. 2018).

Hal ini dapat dilihat dengan jelas seperti firman Allah yang beri maksud “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat” (QS. Al-Hujurat: 10) (Wisnu Mahupraba. 2021). Ayat tersebut menjelaskan Allah SWT menegaskan dua hal pokok; pertama, bahawa sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara. Kedua, jika terdapat perselisihan antara saudara, manusia diperintahkan oleh Allah untuk melakukan Islah (upaya perbaikan atau perdamaian).

Melalui karya naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, dapat dilihat dengan jelas hal berkaitan dengan tali persaudaraan antara satu sama lain iaitu hubungan antara Nabi Musa dengan Harun yang memperlihatkan bentuk persaudaraan yang sangat rapat. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair berikut:

Nabi Musa lalu berkata,  
Serta keluar airnya mata,  
“Harun itu sudah melata,  
Kembali ke Rahmat Tuhan semata. (r.435)

Ianya itu ada di sana,  
Di atas geta duduk bertahan,  
Jangan kamu gundah gulana,  
Tentulah Harun sudah sempurna.” (r.436)

Dengan sinar kami bercura,  
Jangan kamu tersalah kira,  
Kami pesuruh Tuhan Qahara,  
Masakan berani membunuh saudara.” (r.443)

Setelah habis Nabi khabarkan,  
Sekalian itu ia fikirkan,  
Harun yang mati minta tunjukkan,  
Sampai dapat kita saksikan. (r.444)

Nabi Musa sudah mengerti,  
Kaumnya itu bersalah hati,  
Berdoa kepada Rabbul I'zzati,  
Minta hidupkan Harun yang mati. (r.449)

Doa Nabi Allah kabulkan,  
Harun bangun lalu dikhabarkan,  
“Perkataan Musa kamu benarkan,  
Kami tiada Musa bunuhkan. (r.450)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair tersebut memperihalkan tentang hubungan persaudaraan yang erat di antara Nabi Musa dengan Harun walaupun ditimpa dengan musibah dalam kehidupan. Pengarang menceritakan tentang kisah Harun saudara Nabi Musa yang telah dibunuh oleh Bani Israel akibat daripada perselisihan faham kerana Harun memiliki rupa yang hodoh. Dalam hal yang demikian, Nabi Musa menasihati Bani Israel untuk tidak bersangka buruk dan terburu-

buru menuduh tanpa sebab yang munasabah sehingga menyebabkan pertumpahan darah yang menyebabkan kematian sesama saudara. Nabi Musa menyayangi saudaranya yang merupakan satu-satunya keluarganya yang paling rapat sehingga Nabi Musa memohon dan berdoa kepada Allah SWT untuk dihidupkan kembali saudaranya Harun. Sifat kasih sayang yang ditunjukkan oleh Nabi Musa menyedarkan nilai murni keislaman yang sebenar yang patut dicontohi oleh umat manusia walaupun berbeza bangsa mahupun agama. Islam sangat menitikberatkan nilai-nilai yang baik untuk menunjukkan kemurnian dan keistimewaan keislaman di sisi masyarakat.

Sifat kasih sayang dan belas kasihan dianggap penting kerana tanpa sifat ini, masyarakat manusia akan menjadi masyarakat yang zalim suka melakukan kekejaman dan penindasan apabila ia berkuasa melakukannya. Allah SWT mewajibkan agar umat Islam menghayati dan mengamalkan segala sifat-sifat kesempurnaan Allah SWT sepetimana yang terkandung dalam Asma ul-Husna. Bertepatan dengan konteks Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), nilai-nilai keislaman yang baik diterapkan dalam masyarakat untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT untuk mendapatkan kebahagian dan kemakmuran sejagat sesama insan. Hal yang demikian kerana umat Islam digalakkan menjiwai dan mendalami tentang sifat-sifat Allah yang boleh dijadikan sebagai pengukur dalam menyatakan persaudaraan sesama muslim. Sifat kasih sayang dan belas kasihan dapat peningkatan keimanan, ketaqwaan dan amal soleh sekaligus menjadi pengikat tali persaudaraan.

## PENDEKATAN SENI

Nilai keindahan dan kemaknaan dalam setiap karya khususnya kesusasteraan yang berunsur Islam akan memancarkan keistimewaan dan ketinggian serta keagungan Allah (Hashim Awang, 1995). Menurut Hashim Awang (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2017), Pendekatan Seni digunakan untuk meneliti nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Seterusnya, pendekatan seni telah menjadikan karya sastera sebagai persoalan pokok yang dapat digambarkan keindahan dalam sastera adalah keindahan yang berlandaskan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam.

Keindahan dapat dikenal pasti menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya yang berbentuk harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya. Pendekatan Seni juga merupakan keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam suatu karya. Selain itu, persoalan keindahan pada sastera dikaitkan juga dengan alam dan penciptaannya. Keindahan yang dimaksudkan itu perlu berteraskan keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Berhubung perkara ini, diperlihatkan dua aspek estetika menerusi naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* iaitu estetika pencarian Ilmu Allah dan estetika dialog antara Nabi Musa dengan Malaikat Maut.

### Estetika Pencarian Ilmu Allah

Perkataan ‘Ilmu’ dari segi etimologinya berasal dari kata dasar jamaknya ‘*ulum*’ bermaksud ilmu-ilmu. Basri Husin (2009) dalam kajiannya yang merujuk kepada Kamus *al-Munjid* mendefinisikan ilmu sebagai “Memperolehi pengetahuan tentang sesuatu perkara dengan sebenar-benarnya atau mengetahui sesuatu perkara berdasarkan keyakinan dan pengetahuan.” Menurutnya lagi, Ibn Manzur dalam Lisan *al-‘Arab* memberikan empat penguraian terhadap akar kata *al-‘ilm*. Pertamanya, ‘ilm adalah merujuk kepada sifat-sifat Allah SWT Yang Maha Mengetahui. Keduanya, *al-‘ilm* berlawanan dengan sifat *al-jahl* (tidak tahu atau dungu).

Ketiganya, ‘ilm atau mengetahui sesuatu bermakna mengenalinya atau ‘*arafa*. Keempatnya, ‘ilm dengan pengertian *al-‘alam* berdasarkan akar kata yang sama tetapi membawa makna tanda atau alamat.

Berdasarkan hal ini dapat dijelaskan bahawa ilmu adalah kesenian Islam yang merupakan satu kebudayaan Islam yang berkonsepkan keindahan atau sesebuah karya yang dizahirkan melalui daya kreatif yang pelbagai dengan tujuan membantu memeriahkan kebesaran Allah SWT. Berseni seharusnya meliputi aspek yang positif serta dapat membangunkan akhlak masyarakat, bukannya membawa kemungkar dan juga sebagai perosak akhlak ummah. Falsafah seni melalui Islam merupakan keindahan iaitu salah satu ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah SWT lantas segala yang dicipta-Nya juga merupakan penceran keindahan.

Berdasarkan naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* dapat dilihat dengan jelas melalui penceritaan yang disampaikan oleh pengarang tentang kisah pencarian Ilmu Ladunni oleh Nabi Musa dalam menuntut ilmu Allah SWT. Pengamatan dalam menuntut ilmu melahirkan nilai estetika yang luhur dan memberikan makna serta pengalaman di sebalik sesuatu yang tersurat dan tersirat. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa rangkap syair seperti berikut:

Segera menjawab Nabinya ratu,  
“Benarlah sudah katamu itu,  
Tetapi sedikit hatiku mutu,  
Ilmu yang ghaib belum sekutu.” (r.361)

Nabi Khidir menjawab peri,  
“Hendak menuntut bukan tak beri,  
Ilmu itu payah dicari,  
Ibarat berjalan di atas duri. (r.362)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair tersebut menjelaskan tentang menuntut sesuatu keilmuan adalah satu anugerah daripada Allah SWT kepada hamba-Nya iaitu anugerah ilmu pengetahuan. Nabi Khidir menyatakan bahawa ilmu itu adalah sukar dicari yang diibaratkan seperti “berjalan di atas duri” melainkan kehendak Allah SWT untuk memberikan petunjuk. Ilmu ibarat ‘berjalan di atas duri’ membawa maksud kepada diri manusia supaya berhati-hati dan hemat dalam menuntut sesuatu ilmu pengetahuan serta perlu dibuat dengan teliti. Pilihan yang dibuat menjadi persoalan kepada diri, adakah ianya mendapat keredaan Allah? Jika tersalah menurut keputusan seandainya tidak berhati-hati akan menyebabkan diri terluka dan tercalar terkena duri. Hal ini menunjukkan keputusan yang dibuat adalah sangat besar kesalahannya sehingga memudaratkan diri. Begitu juga dengan ketakwaan dalam diri manusia sebagai panduan kepada kehidupan.

Melalui perspektif estetika Islam, Mohd Asri Zainal Abidin (2019) menyatakan bahawa hasrat untuk membersihkan diri dengan mempelajari ilmu yang menumpukan kepada pembinaan ruh atau kesucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) adalah sangat dituntut dalam setiap insan. Ilmu itu adalah suatu kesenian Islam terpancar daripada wahyu Allah dan merupakan perantaraan untuk menzahirkan keindahan Islam dan kebesaran Allah serta menjadi medan dakwah yang ditundukkan kepada tujuan mencari keredaan Allah SWT.

Naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* memperlihatkan peristiwa di antara Nabi Musa dengan Nabi Khidir dalam menuntut Ilmu Ladunni. Dalam peristiwa ini, dikisahkan berlakunya kejadian aneh dan ajaib yang tidak dapat dibatasi oleh pemikiran manusia. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Belayar tiada berapa antara,  
Nabi Khidir bangkit bersegera,  
Ia membelah haluan bahtera,  
Kepada Musa tampak ketara. (r.373)

Perbuatan itu Musa nan tampak,  
Haluan perahu Khidir mengapak,  
Kayunya itu habislah merapak,  
Dituduh pekerjaan seperti perompak. (r.374)

Kanak-kanak itu bermain seorang,  
Umur sempurna belumlah terang,  
Kanak-kanak itu Khidir memarang,  
Kanak-kanak itu jatuh mengerang. (r.386)

Kanak-kanak itu jatuh tergolek,  
Tersentak-sentak matanya celik,  
Sekalian itu Musa menolak,  
Hatinya itu menjadi pelik. (r.387)

Lalu berjalan Nabi maulana,  
Ada kiranya jauh saujana,  
Suatu pagar roboh di sana,  
Dibetulkan Khidir tiadalah lena. (r.399)

Dibetulkan Khidir Nabi yang sakti,  
Bersungguh-sungguh tiada berhenti,  
Sekalian itu Musa lihati,  
Terlalu panas berasanya hati. (r.400)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, di dalam al-Quran melalui Surah al-Kahf (ayat 60-82), Allah menceritakan pengembalaan Nabi Musa mencari Nabi Khidir a.s. bagi menuntut ilmu daripadanya. Semasa perjalanan Nabi Musa a.s. menemani Nabi Khidir a.s., baginda telah melihat beberapa tindakan Nabi Khidir a.s. seperti yang dikisahkan dalam rangkap syair 373 iaitu frasa baris syair ‘Nabi Khidir bangkit bersegera, ia membelah haluan bahtera,’ yang menyanggahi syariat yang diturunkan kepadanya (Musa) lalu baginda membantahnya. Setelah tiga kali pertanyaan serta bantahan dibuat oleh Nabi Musa a.s. terhadap tiga tindakan yang dilakukan oleh Nabi Khidir, akhirnya Nabi Khidir tidak membenarkan Nabi Musa a.s. mengikutnya lagi dan menceritakan rahsia segala tindakan-tindakannya yang dianggap oleh Nabi Musa a.s. sebagai kesalahan.

Berhubung perkara ini, Mohd Asri Zainal Abidin (2019) menyatakan bahawa sesetengah golongan beralasan bahawa para wali dibolehkan tidak mengikut syariat para nabi dan boleh melakukan segala tindakan yang dianggap salah oleh golongan zahir tetapi betul di sisi Ilmu Hakikat atau Ilmu Ladunni. Hal yang sedemikian ini sama seperti tindakan Nabi Khidir yang tidak mengikut Nabi Musa a.s. kerana Nabi Khidir adalah wali Allah, ianya menilai dengan Ilmu Ladunni yang secara terus menerus daripada Allah manakala Nabi Musa a.s. adalah seorang nabi yang menilai dengan Ilmu Syariat semata. Justeru itu, golongan hakikat tidak

sama dengan golongan syariat, namun walaupun berbeza ilmu kedua-duanya merupakan ilmu Allah yang sangat luas.

Naskhah ini sesungguhnya menyuguhkan bahawa perbuatan Nabi Khidir a.s. itu adalah merupakan suruhan Allah SWT di atas sebab-sebab tertentu dan diperjelaskan melalui rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Sungguhpun haluan dialah nyata,  
Tetapi air tak dapat melata,  
Sekadar benci dipandang mata,  
Sampai selamat sekalian harta. (r.408)

Sebab diperbuat demikian peri,  
Perahu menuju ke sebuah negeri,  
Rajanya itu seperti pencuri,  
Harta orang ia gemari. (r.409)

Itulah sebabku beri cedera,  
Dipandang hodoh raja negara,  
Ianya tiada menaruh kira,  
Sekalian harta jadi terpelihara. (r.410)

Yang kedua punya perbuatan,  
Dibunuh kanak-kanak dengan jahatan,  
Ibu bapanya besar angkatan,  
Rahmat Allah kepadanya berkenan. (r.411)

Kanak-kanak baligh belumlah jangka,  
Besarnya itu sangat celaka,  
Ibu bapanya dibuat derhaka,  
Akhirnya semua ke dalam neraka. (r.412)

Bapaknya itu sudah doakan,  
Anak isterinya minta selamatkan,  
Dunia akhirat minta lepaskan,  
Doanya itu Allah kabulkan. (r.413)

Ketika itu kami khabari,  
Pagar yang runtuh kami mendiri,  
Bukannya dengan kehendak sendiri,  
Dengan hukum kelak Al-Bari. (r.414)

Sebab khazanah ada di situ,  
Dua kanak-kanak yang punya itu,  
Ambil masanya sudah sekutu,  
Sampai boleh ia menentu. (r.415)

Sebab itu kami buatkan,  
Sempadan itu jangan diubahkan,  
Orang yang lain takut kepada kepungkan,  
Khazanah terpulang pada yang bukan.” (r.416)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkap-rangkap syair tersebut menerangkan tentang kesan dan sebab perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Khidir. Pertama, berkenaan dengan perahu yang telah dirosakkan adalah untuk memelihara hartanya daripada dirampas oleh raja. Kedua, Nabi Khidir membunuh kanak-kanak adalah disebabkan sikap kanak-kanak tersebut yang akan menderhaka kepada kedua ibu bapanya dan mengelakkannya daripada menjadi orang yang jahat kelak. Ketiga, Nabi Khidir mendirikan semula pagar yang runtuh seperti dalam frasa syair ‘Pagar yang runtuh kami mendiri, Bukannya dengan kehendak sendiri, Dengan hukum kelak Al-Bari’ adalah menjaga hubungan antara satu sama lain kanak-kanak tersebut sehingga berbaik semula.

Seorang tokoh tafsir terkenal iaitu Syeikh ‘Abd al-Fattah Soleh al-Khalidi menyatakan bahawa Ilmu Ladunni yang diajarkan kepada Nabi Khidir a.s. daripada Allah SWT adalah *nubuwah* (kenabian) dan wahyu. Ertinya, tindakan-tindakan Nabi Khidir a.s. di dalam kisah tersebut adalah di atas arahan wahyu daripada Allah. Nabi Musa diutuskan kepada Bani Israel, tetapi tidak diutuskan kepada Nabi Khidir a.s. Nabi Khidir a.s. menerima arahan langsung daripada Allah SWT melalui jalan wahyu yang disampaikan kepadanya (Mohd Asri Zainal Abidin, 2019). Oleh hal yang demikian, bertepatan dengan pandangan Hashim Awang (2002), dapat dijelaskan bahawa keindahan dalam menuntut ilmu untuk mencari nilai keislaman merupakan satu keistimewaan dipancarkan daripada perkembangan keimanan dan ketakwaan sehingga memberikan kesedaran kepada ilmiah dalam kehidupan. *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* ini telah membawa erti keindahan yang sebenar tentang ilmu Allah yang amat luas sehingga dapat memperbaiki akidah dan meningkatkan keyakinan dalam diri selain mendekatkan diri kepada Allah SWT.

### **Estetika Dialog Antara Nabi Musa Dengan Malaikat Maut**

Pengertian Nabi secara estimologi berasal daripada bahasa Arab iaitu *naba'* bermaksud warta, berita, informasi, laporan. Perkataan Nabi ini dibentuk jamaknya *nabiyyun* dan *anbiya'*. Secara istilahnya, Nabi adalah seseorang yang menerima wahyu daripada Allah SWT melalui perantaraan melalui malaikat atau ilham mahupun mimpi yang benar. Menurut Eni Zulaiha (2016), Nabi adalah orang yang menerima wahyu dari Allah SWT tanpa kewajiban menyampaikan kepada orang lain, sedangkan Rasul adalah orang yang mendapat wahyu dari Allah yang mempunyai kewajiban menyampaikannya kepada manusia. Hal ini demikian menunjukkan bahawa Nabi menyampaikan wahyu Allah kepada kaumnya melalui keperibadian yang dibentuk atas bimbingan wahyu.

Setiap yang bernyawa pasti akan merasakan kematian; ia dihidupkan oleh Allah SWT dan ianya juga dikembalikan kepada-Nya. Kematian itu adalah sebuah ketetapan yang digariskan oleh Allah kepada setiap makhluk di dunia ini. Sehubungan dengan itu dapat dilihat menerusi firman Allah bermaksud: “Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahwasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia sudah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya” (Surah Ali Imran, ayat 185).

Berdasarkan naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*, pengarang menurunkan kisah-kisah riwayat terakhir Nabi Musa sebelum diangkat dan dikembalikan kepada Allah SWT. Kisah-kisah kewafatan Nabi Musa memperlihatkan unsur estetika yang diceritakan kepada umat manusia. Berikut merupakan contoh estetika yang terkandungnya keindahan Islam di dalam rangkap-rangkap syair seperti berikut:

Nabi Musa segera bertanya,  
“Datang ke mari apa kerjanya?  
Jikalau nyawa dikehendaknya,  
Dikeluarkan itu di mana jalannya?” (r.488)

Malaikat Maut menjawab peri,  
“Dari mulut kami edari,  
Dengan perlahan kami keluari,  
Janganlah kamu takut dan ngeri.” (r.489)

Nabi Musa menjawab serta,  
“Di situ tiada jalan melata,  
Nyawa ada keluarkan di mulut beta,  
Kalam Allah di situ berkata.” (r.490)

Malaikat Maut menjawab madah,  
“Janganlah kamu berhati gundah,  
  
Dikeluarkan daripada telinga yang tadaah,  
Tiada merasa sakit yang padah.” (r.491)

Segera dijawab Musa handalan,  
“Janganlah kamu membuat g-n-d-a-l-n,  
Mendengar firman Tuhan berkekalan,  
Keluar di situ tiadalah jalan.” (r.492)

Malaikat Maut berdatang karang,  
“Dari matamu dikeluarkan sekarang,  
Janganlah lalai kamu mlarang,  
Dikeluarkan senang tiada mengerang.” (r.493)

Perkataan itu Nabi amati,  
Dengan segera ia sahuti,  
“Mataku itu sudah lihati,  
*Nur Tajalli Zat Al-Hat.*” (r.494)

Malaikat Maut menurut kata,  
“Janganlah kamu menaruh cinta,  
Dari hidung dikeluarkan serta,  
Dengan tiada sakit semata.” (r.495)

Nabi Musa menjawab madah,  
“Di situ jangan dibuat mudah,  
Harum Tajalli kucium sudah,  
Keluar di situ tiada faedah.” (r.496)

Malaikat Maut mendengar peri,  
Dengan perlahan ia khabari,  
“Dari kaki kami keluari,  
Terasa sakit tiada kuberi.” (r.497)

Nabi Musa mendengar bahan,  
Segera dijawab tiadalah lena,  
“Keluar di situ tiada berguna,  
Kaki berjalan di Bukit Thur Sina. (r.498)

Di bukit Thur Sina kami munajat,  
Dengan kakiku bukit dipanjang,  
Di sana Allah sampaikan hajat,  
Di kurniakan kami tinggi darjat.” (r.499)

Dijawab perkataan Nabi junjungan,  
“Nyawa dikeluarkan daripada tangan,  
Janganlah lagi banyak kenangan,  
Kami keluarkan dengan kesenangan.” (r.500)

Segera dijawab Nabi hadrat,  
“Keluar di situ baik dikerat,  
Tanganku itu diberi kudrat,  
Lautan dipalu menjadi darat.” (r.501)

Sekalian itu habis dituratnya,  
“Dari ubun-ubun hendak dikeluarnya,”  
Nabi Musa menjawab katanya,  
“Iaitu tempat menjunjung katanya. (r.502)

Tempat sujud kerana ibadah,  
Di situ jangan buat mudah,”  
Hilanglah a’kal Izrail yang endah,  
Ke hadrat Tuhan ia berpindah. (r.503)

(MS 561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*)

Rangkapan syair tersebut memperlihatkan perbualan atau perdebatan di antara Nabi Musa dengan Malaikat Maut tentang urusan mencabut nyawa. Di dalam hal yang demikian, sebanyak tujuh kali Nabi Musa membantah Malaikat Maut untuk mengeluarkan nyawanya kerana setiap tempat anggota badan yang dikeluarkan merupakan anugerah kebesaran dan kekuasaan Allah SWT kepadanya sebagai seorang Nabi yang diutus untuk menyebarkan dakwah Islam kepada umat manusia. Malah, setiap anggotanya mempunyai peristiwa penting mendapatkan wahu dari Allah menunjukkan estetika yang tersendiri.

Terdapat tujuh bahagian anggota badan yang dinyatakan dalam syair ini. Misalnya, Nabi Musa melarang Malaikat Maut mengeluarkan nyawanya di bahagian mulut kerana di situ merupakan ‘Kalam Allah di situ berkata.’ Kedua, bahagian telinga iaitu dikatakan ‘Mendengar firman Tuhan berkekalan, Keluar di situ tiadalah jalan.’ Ketiga, bahagian mata pula adalah untuk melihat kekuasaan dan kebesaran Allah iaitu ‘Mataku itu sudah lihati, Nur Tajalli Zat Al-Hat.’ Keempat, bahagian hidung iaitu adalah untuk ‘membau dan mencium harum Tajali, ciptaan Allah di muka bumi ini.’ Kelima, bahagian kaki pula ‘Keluar di situ tiada berguna, Kaki berjalan di Bukit Thur Sina’ semasa menerima wahu dan bermunajat kepada Allah. Keenam, bahagian tangan iaitu anggota yang digunakan untuk mendapat kudrat daripada Allah untuk membelahkan lautan menjadi laluan. Akhir sekali, di bahagian ubun-ubun dikatakan tempat untuk bersujud membuat ibadah kepada Allah SWT.

Melalui perdebatan tersebut dapat dilihat bahawa setiap anggota badan manusia merupakan anugerah yang sangat bernilai di sisi-Nya. Allah SWT menciptakan manusia dengan penuh kesempurnaan dan keindahan pada setiap tubuh badan malah setiap bahagiannya mempunyai fungsi tertentu. Sesungguhnya nikmat Allah SWT kurniakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada umat manusia supaya mensyukuri kenikmatan dan memperlihatkan kebesaran daripada Pencipta kepada hamba-Nya. Hal ini demikian bertepatan dengan pandangan Hashim Awang (2002), berdasarkan konsep seni melalui estetika riwayat Nabi memancarkan keindahan dan keunggulan Islam sehingga dapat mencerminkan nilai-nilai Islam untuk menarik minat khalayak. Oleh itu, pengarang menganjurkan penerapan yang bersesuaian dan bermatlamat dalam penyebaran Islam sehingga dapat meningkatkan ukhwah dan ketakwaan dalam umat manusia sejagat.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, naskhah manuskrip *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* ini merupakan satu manuskrip Melayu yang berunsurkan keislaman yang mengandungi riwayat kehidupan seorang Nabi dan Rasul dalam menyebarkan agama Allah. Kesusasteraan Melayu yang berunsur Islam lebih menekankan mesej dan didikan yang disampaikan oleh pengarang. Terdapat juga beberapa kisah sampingan yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan teladan malah dapat meningkatkan ketakwaan dan penghayatan kepada masyarakat. Dakwah dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat melalui keagungan sifat-sifat Allah yang terkandung di dalam naskhah syair ini. Sifat-sifat Allah yang ditunjukkan oleh pengarang dalam karyanya, khalayak dapat mengenali Tuhan dengan lebih dekat lagi dan memberikan kesedaran untuk mengubah diri ke arah manusia yang mukmin.

Dalam *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* ini terdapat banyak gambaran mengenai keagungan dan kebesaran serta kekuasaan Allah SWT yang disampaikan melalui penceritaan keajaiban dan keindahan Islam di dalamnya. Seruan kepada umat manusia untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar dijelaskan dalam penceritaan beberapa peristiwa atau nasihat dan wasiat yang boleh dijadikan sebagai panduan dan teladan kepada kehidupan untuk tidak melanggar apa yang telah dilarang oleh Allah dan mengikuti segala suruhan-Nya. Masyarakat yang beriman kepada Allah SWT merupakan manusia yang mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Persaudaraan yang ukuh dan kuat dapat dierat melalui perasaan atau hubungan kekeluargaan malah persahabatan yang boleh mewujudkan kemakmuran dan keharmonian dalam masyarakat mahupun negara.

Nilai keindahan dan kemaknaan dalam setiap karya khususnya kesusasteraan yang berunsur Islam akan memancarkan keistimewaan dan ketinggian serta keagungan Allah, misalnya keilmuan yang dituntut oleh agama Islam untuk meningkatkan akidah dan hubungan dengan Maha Pencipta. Selain itu, estetika yang dipaparkan melalui penceritaan dapat memberikan keyakinan dan nilai kesyukuran di atas anugerah sebagai manusia yang berakhhlak mulia. Secara keseluruhannya, berdasarkan Pendekatan Keagamaan yang digunakan dalam menganalisis naskhah *Syair Karun dan Nabi Allah Musa* memperlihatkan kesusasteraan Islam ini membawa unsur dakwah bagi meningkatkan ketakwaan dan mendekatkan diri kepada Allah dengan menerapkan unsur kebesaran dan keagungan Allah SWT serta kebenaran Islam itu sendiri.

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Mohd. Zin, 1997. *Penghantaran dakwah Islamia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Rauf Dato' Haji Hassan Azhari, Wan Norainawati Hamzah dan Ali Badron Mokhtar, 2005. "Pemerolehan sumber rujukan pengajian al-Quran melalui media Internet di era globalisasi", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Al-Quran pada 19-20 September di Kuala Lumpur.
- Annefrank. 2018. Apa Makna Persaudaraan dan Persahabatan Dalam Islam. <https://www.dictio.id/t/apa-makna-persaudaraan-dan-persahabatan-dalam-islam/42157>
- Basri Husin. 2009. Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu dalam Tradisi Islam. *Jurnal Usuluddin*. University of Malaya. (S.I.). v.30, p.185-208, dec.2009. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7358>
- Eni Zulaiha. 2016. Fenomena Nabi dan Kenabian Dalam Perspektif Al-Quran. *Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir*. 1,2 (2016): 149-164. Falkutas Ushuluddin UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Harun Din. 1990. *Manusia Islam* Kuala Lumpur. PTS Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. 1994. *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu. Pengarang, Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1995. "Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian." Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti. Dlm. S. Jaafar Husin (pnyt.). 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 30-45.
- Hashim Awang. 2002. "Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya." Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2004. *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*: Bangi.
- Mohd Asri Zainal Abidin. 2019. *Hukum Bergantung kepada Ilmu Ladunni*. Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/144-hukum-bergantung-kepada-ilmu-ladunni>
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. 2017. Panerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melalui Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2) 2017: 94-107. Faculty of Technology Creative and Heritage University Malaysia Kelantan UMK Bachok, Kelantan Malaysia.
- Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin. 2018. Nilai Islam Dalam Komik *Majalah Dewan Pelajar*. *Jurnal Melayu* Bil. 17 (1), hlm.55.
- MS561 *Syair Karun dan Nabi Allah Musa*. Katalog di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noraini Mohamad dan Mariam Abdul Majid. 2019. Dakwah Melalui Penulisan Puisi Melayu: Analisis Terhadap Karya Abham T.R. *Jurnal Melayu* Bil. 18 (2), hlm. 295.
- Nur Syawani Bederohisam & Zubir Idris. 2020. "Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan." *Jurnal Melayu*, 19(2)2020: 287-305. Program Persuratan Melayu, Falkulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2018. Sajak-sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah (*The Divine Theme of Badaruddin H.O. Poems: an Analysis of Da'wah Approach*). *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 2018. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (terj: Sheikh Abdullah Basmeih).  
2000. Kuala Lumpur: Darulfikir  
Portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).  
<http://www.dbp.gov.my>  
Wisnu Mahupraba. 2021. Surat Al-Hujurat Ayat 10. TafsirQ.com.  
<https://tafsirq.com/49-al-hujurat/ayat-10>

#### **Biodata Penulis:**

**Muhammad Amirun Mohd Radzi** merupakan pelajar yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2021.

**Zubir Idris** (PhD) merupakan pensyarah kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusastraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.